

20/09/2003

Kakitangan cekap aset negara

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kakitangan awam supaya berusaha mempertingkatkan keupayaan mentadbir bagi memastikan negara terus membangun dan makmur sehingga menjadi negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata, kecekapan kakitangan awam melaksanakan dasar kerajaan adalah aset utama negara sehingga membolehkan Malaysia mencapai tahap pembangunan seperti sekarang.

"Saya bersyukur kerana boleh harap segala keputusan kerajaan dilaksanakan kakitangan kerajaan... ini adalah aset terbesar negara... kita perlu mempertingkatkan keupayaan kita untuk mentadbir negara.

"Apa yang penting ialah sama ada kita sanggup atau tidak untuk berkhidmat dan berusaha membangunkan negara," katanya berucap pada majlis makan malam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) bersama Perdana Menteri di Hotel Mandarin Oriental di sini, malam tadi.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Majlis itu diadakan Miti sempena menghargai sumbangan Dr Mahathir kepada negara selama lebih 20 tahun beliau menerajui negara.

Pada majlis itu Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berduet mendendangkan lagu Autumn Leaves dan Hati Ke Hati sebagai memenuhi permintaan hadirin.

Dr Mahathir turut menasihatkan kakitangan awam supaya memberi sokongan kepada kepemimpinan baru yang sudah tentu ingin memajukan lagi negara.

Perdana Menteri berkata, sokongan padu yang diberikan kakitangan awam kepada kerajaan selama ini adalah faktor yang membolehkan program pembangunan negara dilaksanakan dengan jayanya.

"Saya akan letak jawatan pada akhir Oktober ini... saya fikir cukuplah apa yang saya boleh buat, eloklah kita ada kepemimpinan yang baru. Saya yakin kepemimpinan yang baru juga mempunyai hasrat yang sama.

"Saya minta semua yang bekerja sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan memberi sokongan penuh kepada kepemimpinan baru supaya kita sama-sama dapat majukan negara kita. Insya-Allah pada tahun 2020 kita dapat menjadi maju mengikut acuan kita," katanya.